



Sultan Ibrahim berkenan berangkat memenuhi undangan Anwar bagi mengadakan pertemuan di Seri Perdana, Putrajaya, semalam. (Foto ihsan RPO)

## Sultan Johor berkenan hadir undangan PM

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar berangkat memenuhi undangan Perdana Menteri bagi mengadakan pertemuan di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

Pada pertemuan itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempersembahkan taklimat kepada Sultan Ibrahim berkenaan lawatan kerja ke Singapura, pada 30 Januari lalu.

Pada 31 Januari lalu, Anwar dilaporkan berkata, Malaysia dan Singapura bersetuju mengadakan rundingan lebih terperinci

terhadap langkah republik itu menambak kawasan sekitar Batu Puteh dalam masa terdekat.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, beliau membangkitkan perkara itu dalam pertemuan bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong pada lawatan rasminya Isnin lalu.

Selain isu Batu Puteh, Anwar turut menyentuh isu tertunggak membabitkan bekalan air Malaysia-Singapura, ruang udara Malaysia selain kesesakan di Tambak Johor yang akan diatasi segera.